

26 FEB 2003

OIC: DR MAHATHIR TENANG DENGAN PANDANGAN SINIS TERHADAP OIC

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak kisah dengan pandangan sinis terhadap Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang baru sahaja dipengerusikan oleh Malaysia.

"Pandangan sinis ada di seluruh dunia. Jika kita mahu mendengar pandangan sinis, kita tidak akan dapat berbuat apa-apa.

"Jadi saya agak bersedia untuk mendengar ungkapan seperti itu dan saya tidak pun terpengaruh dengan komen sedemikian," katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat tidak rasmi anggota OIC yang diadakan selepas kejayaan Malaysia menganjurkan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau ditanya mengenai keberkesanan OIC oleh seorang wartawan bahawa OIC, yang akan mengadakan sidang kemuncaknya di sini Oktober ini, dan NAM pada masa dahulu, merupakan bahan jenaka.

Sambil memberikan contoh, wartawan itu menyatakan bahawa akronim OIC secara sinisnya dilihat sebagai mewakili "Oh I See" seolah-olah tiada apa yang boleh dilakukan.

Dr Mahathir, yang merupakan pengerusi NAM, berkata: "Apa pula maksud NAM?"

-- BERNAMA  
AZZ AZZ ROS